


GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) 2026



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & INOVASI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN

Tujuan Garis Panduan	2
Horizon Baharu KIK	2
Objektif KIK	3
Fasa Pelaksanaan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Melalui Horizon Baharu KIK	3

BAB 2: PENGHASILAN PROJEK

Penghasilan Projek	6
Bidang Inovasi dalam KIK	7
Kategori Inovasi	9
Kriteria Projek KIK	9
Pembentukan Kumpulan KIK	10
Komposisi Kumpulan KIK	12

BAB 3: PENGIKTIRAFAN

Dokumentasi Projek	13
Pembangunan Panel Penilai	16
Mekanisme Penilaian	16
Penganugerahan	18

BAB 4: TATACARA PENYERTAAN

19

BAB 5: MAKLUMAT URUS SETIA

20

Lampiran 1: Borang Pemarkahan Pertandingan KIK Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2026	21
--	----

Lampiran 2: Contoh Borang Penyertaan Sistem elnovasi	23
--	----

BAB 1 PENGENALAN

1. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini disediakan bagi menjelaskan pelaksanaan dan tatacara penyertaan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pertandingan ini merupakan salah satu inisiatif pembudayaan inovasi yang bertujuan menggalakkan penglibatan warga perkhidmatan awam negeri dalam menyelesaikan masalah kerja secara sistematik, kreatif dan berimpak.

Pelaksanaan KIK telah lama diperkenalkan dalam sektor awam dan diperkukuh melalui Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 – Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Walaupun MAMPU kini tidak lagi beroperasi susulan penstrukturan semula agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, pekeliling tersebut masih berkuat kuasa dan kekal menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan KIK di peringkat negeri.

Sehubungan itu, garis panduan ini telah disesuaikan mengikut struktur, keperluan dan konteks pentadbiran negeri bagi memastikan pelaksanaan pertandingan KIK dapat dijalankan secara tersusun, relevan dan berkesan. Ia merangkumi syarat penyertaan, kaedah penyediaan dokumentasi dan pembentangan, kriteria penilaian serta peranan Urus Setia yang terlibat.

2. HORIZON BAHARU KIK

Inovasi merujuk kepada pengenalan pembaharuan sama ada produk, proses atau perkhidmatan yang bukan sahaja lebih baik, tetapi juga mempersembahkan nilai baharu kepada pengguna. Dalam sektor awam, inovasi dilihat apabila sesuatu ciptaan atau penambahbaikan memberi manfaat nyata dan menambah baik keadaan sedia ada.

Kreativiti pula ialah keupayaan untuk menghasilkan idea yang asli dan unik dalam menyelesaikan masalah serta meningkatkan proses sedia ada. Pegawai perlu berfikir secara kritis dan analitikal agar idea tersebut dapat dijemakan menjadi inisiatif yang berkesan, memberi manfaat langsung kepada rakyat dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Melalui inisiatif KIK, penekanan diberikan kepada **keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam** demi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pelaksanaan yang berfokus pada KIK bukan sahaja memperkukuh budaya inovasi dalam agensi kerajaan negeri malah turut menyumbang kepada peningkatan prestasi perkhidmatan secara keseluruhan.


3. OBJEKTIF KIK

Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Agensi Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk:

- i. Memperkukuh budaya kerja berasaskan kreativiti, inovasi dan penambahbaikan berterusan di peringkat agensi negeri;
- ii. Menggalakkan penglibatan menyeluruh dalam inisiatif penambahbaikan proses kerja, sistem dan perkhidmatan awam;
- iii. Menyebar luas hasil inovasi yang terbukti berkesan sebagai rujukan dan amalan terbaik di peringkat negeri;
- iv. Mengiktiraf sumbangan anggota perkhidmatan awam negeri dalam menghasilkan penyelesaian inovatif yang memberi nilai tambah kepada organisasi dan pelanggan; dan
- v. Menyokong usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri secara sistematik dan berimpak tinggi.

4. RINGKASAN FASA PELAKSANAAN PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN INOVASI MELALUI HORIZON BAHARU KIK

Horizon baharu KIK memberi penekanan kepada keberhasilan (*outcome*) dan potensi pengembangan projek. Panduan ini meliputi tiga (3) fasa seperti berikut:



Rajah 1: Kerangka Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu KIK

FASA PERTAMA: PENGHASILAN PROJEK

Fasa Penghasilan Projek merupakan peringkat awal dalam pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Pada peringkat ini, kumpulan perlu merancang dan membangunkan projek dengan mengambil kira sumber sedia ada, kebolehlaksanaan, serta impak kepada organisasi dan pelanggan.

Bagi memastikan pelaksanaan projek KIK berjalan lancar dan berkesan, sokongan serta penglibatan aktif pihak pengurusan atasan amat penting. Mereka berperanan sebagai pemudah cara, penyelaras dan pemberi hala tuju agar kumpulan dapat melaksanakan projek secara tersusun dan berimpak.

Fasa ini merangkumi **lima (5) elemen** utama berikut:

(a) Bidang dan kategori inovasi

Penentuan jenis inovasi yang akan dihasilkan, sama ada melibatkan penambahbaikan proses kerja, sistem penyampaian perkhidmatan, produk, dasar atau perkhidmatan.

(b) Kriteria projek

Projek yang dipilih perlu memberi nilai tambah, bersesuaian dengan fungsi jabatan, serta mampu disiapkan dalam tempoh yang munasabah.

(c) Pembentukan kumpulan

Penubuhan kumpulan KIK yang terdiri daripada ahli dengan pelbagai latar belakang atau jawatan bagi menghasilkan idea yang lebih menyeluruh dan berkesan.

(d) Pemboleh daya inovasi

Faktor yang menyokong kejayaan projek seperti komitmen kepimpinan, latihan, teknologi, budaya organisasi serta sistem sokongan dalaman.

(e) Teknik dan kaedah penghasilan projek

Penggunaan pendekatan penyelesaian masalah yang sesuai seperti *Plan-Do-Check-Act (PDCA)*, *Quality Control (QC) Tools*, *Lean*, atau *Design Thinking*, bergantung kepada keperluan projek.



FASA KEDUA: PENGIKTIRAFAN PROJEK

Fasa Pengiktirafan adalah manifestasi keberkesanan pelaksanaan Fasa Pertama. Ia merangkumi penilaian dan pengiktirafan projek KIK berdasarkan kriteria yang ditetapkan, selaras dengan kerangka *Horizon Baharu KIK* dalam Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1/2016.

Fasa ini terdiri daripada **empat (4) elemen** utama:

(a) **Dokumentasi projek**

Laporan lengkap sebagai asas penilaian (latar belakang, pelaksanaan, impak)

(b) **Pembangunan Panel Penilai**

Panel dilantik secara berkelayakan, diperkukuh melalui latihan/ pensijilan

(c) **Mekanisme penilaian**

Proses penilaian berstruktur dengan kriteria jelas (saringan, pembentangan, impak)

(d) **Penganugerahan**

Bentuk penghargaan rasmi untuk galakkan budaya inovasi

FASA KETIGA: PENGEMBANGAN PROJEK

Fasa Pengembangan Projek merupakan lanjutan kepada pelaksanaan projek yang berjaya dalam fasa sebelumnya. Tujuannya adalah untuk memperluas aplikasi dan impak hasil inovasi KIK melalui pengkomersialan, pelaksanaan semula atau pengiktirafan di peringkat yang lebih tinggi. Inisiatif ini membolehkan projek yang berkesan diterima pakai, disesuaikan atau dikembangkan di agensi lain, merentas sektor atau peringkat pentadbiran.

Fasa ini merangkumi **tiga (3) elemen** utama:

(a) **Pengkomersialan**

Meneroka potensi projek untuk dikembangkan sebagai produk atau perkhidmatan bernilai ekonomi melalui kerjasama strategik dengan pihak luar.

(b) **Replikasi**

Melaksanakan semula projek yang berjaya di agensi atau unit lain dengan penyesuaian mengikut keperluan tempatan.

(c) **Penyertaan dalam pertandingan inovasi**

Menyertai pertandingan di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa bagi tujuan pengiktirafan, penanda aras dan perkongsian amalan terbaik.

BAB 2 PENGHASILAN PROJEK

PENGHASILAN PROJEK

Fasa Penghasilan Projek merupakan peringkat awal dalam pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang melibatkan pemilihan dan perancangan projek. Pada peringkat ini, kumpulan KIK perlu memahami pengelasan asas projek berdasarkan **dua (2) bidang utama**:

- (a) **Inovasi Sosial**: Penyelesaian kepada isu sosial atau kesejahteraan rakyat; dan
- (b) **Inovasi Penyampaian Perkhidmatan**: Penambahbaikan kepada sistem, proses atau perkhidmatan awam.


Projek KIK juga boleh dikenal pasti mengikut **dua (2) kategori umum**:

- (a) **Inovasi Penciptaan**: Pembangunan idea atau pendekatan baharu; dan
- (b) **Inovasi Penambahbaikan**: Penambahbaikan kepada amalan, sistem atau perkhidmatan sedia ada.

Bidang dan kategori ini tidak digunakan untuk tujuan pengadilan pertandingan, namun tetap penting sebagai rujukan bagi membantu peserta mengenal pasti jenis projek yang dibangunkan. Bagi pertandingan tahun ini, tiada pembahagian berdasarkan bidang atau kategori.

Matlamat penghasilan projek KIK adalah untuk:

- (a) Meningkatkan kecekapan agensi sektor awam;
- (b) Meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan; dan
- (c) Memelihara kesejahteraan rakyat.



Rajah 2: Bidang Inovasi dalam KIK, Kategori Inovasi dan Tahap Keberhasilan

2.1 BIDANG INOVASI DALAM KIK


Inovasi dalam konteks Horizon Baharu KIK terbahagi kepada dua (2) bidang utama seperti ditunjukkan dalam Rajah 3



Rajah 3: Bidang Inovasi dalam KIK

(a) Inovasi Sosial

Bidang Inovasi Sosial merujuk kepada **kaedah penyelesaian baharu seperti idea, model atau perkhidmatan yang dibangunkan khusus untuk memenuhi keperluan dan isu masyarakat**, dengan penglibatan langsung rakyat yang aktif. Tumpuan utamanya bukan sekadar hasil, tetapi turut menekankan **proses kolaboratif bersama komuniti**. Ciri-ciri utama inovasi sosial adalah seperti **Rajah 4**:



Rajah 4: Ciri-ciri Utama Inovasi Sosial

Nota:

Sesuatu projek boleh dikategorikan sebagai Inovasi Sosial sekiranya ia menangani isu masyarakat dan memberi impak kepada kesejahteraan awam, meskipun tidak memenuhi sepenuhnya semua ciri yang lazim dikaitkan dengan inovasi sosial.

(b) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

Inovasi Penyampaian Perkhidmatan merujuk kepada penerapan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk menambah baik cara perkhidmatan kerajaan disampaikan kepada rakyat. Fokus utama adalah untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian ke arah perkhidmatan yang lebih bersepadu, mudah diakses dan mesra pelanggan.

Inovasi dalam bidang ini perlu memberikan nilai tambah dan membawa perubahan ketara kepada pengalaman pelanggan serta hasil perkhidmatan awam. Ia boleh melibatkan penambahbaikan terhadap sistem, prosedur, kaedah kerja atau penerapan teknologi baharu.

Antara aspek pelaksanaan yang boleh diterokai termasuk:

- Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi;
- Budaya Kerja;
- Kewangan dan Aset;
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan;
- Pengurusan Sumber Manusia;
- Pengurusan Projek Pembangunan; dan
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan ditunjukkan pada **Rajah 5**.



Rajah 5: Ciri-Ciri Utama Inovasi Penyampaian

Nota:

Sesuai projek boleh dikategorikan sebagai Inovasi Penyampaian Perkhidmatan sekiranya ia melibatkan penambahbaikan terhadap sistem, proses atau kaedah kerja yang memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan, walaupun tidak memenuhi sepenuhnya semua ciri yang lazim dikaitkan dengan bidang ini.

2.2 KATEGORI INOVASI

Setelah bidang inovasi dikenal pasti, projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) boleh dikelaskan kepada salah satu daripada dua (2) kategori inovasi berikut:

(a) Inovasi Penciptaan

Pembangunan produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan. Fokus utama adalah mencipta penyelesaian baharu yang lebih berkesan dan berimpak.

(b) Inovasi Penambahbaikan

Penambahbaikan terhadap produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang lebih inovatif untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan.

BIDANG vs KATEGORI INOVASI

BIDANG INOVASI	ASPEK	KATEGORI INOVASI
Menentukan ruang fokus projek	TUJUAN	Mengenal pasti jenis penyelesaian yang dibangunkan
▪ Inovasi Sosial ▪ Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	PILIHAN	▪ Inovasi Penciptaan ▪ Inovasi Penambahbaikan
Klasifikasi umum projek	KEGUNAAN	Memahami pendekatan projek (baharu atau tambah baik)

Nota:

Pengelasan bidang dan kategori inovasi adalah untuk membantu peserta memahami kerangka projek dengan lebih jelas. Ia **tidak digunakan sebagai asas pemarkahan atau pembahagian hadiah** dalam Pertandingan KIK Agensi Negeri Pulau Pinang.

2.3 KRITERIA PROJEK KIK

Lima (5) kriteria utama perlu dipertimbangkan oleh kumpulan KIK semasa peringkat awal penghasilan projek. Pertimbangan ini penting bagi **memastikan projek yang dipilih bukan sahaja dapat dilaksanakan dengan berkesan, tetapi juga mempunyai potensi untuk dikembangkan dan memberi impak yang berterusan.**

Kriteria tersebut ditunjukkan dalam **Rajah 6**.



Rajah 6: Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi untuk Dikembangkan

2.4 PEMBENTUKAN KUMPULAN

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Negeri Pulau Pinang boleh diwujudkan dalam dua (2) bentuk berikut:

(a) KIK Primer

Kumpulan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) dan tidak melebihi sepuluh (10) orang anggota daripada agensi yang sama**, yang bekerjasama bagi melaksanakan projek KIK.

(b) KIK Hibrid

Kumpulan rentas agensi yang melibatkan **anggota daripada dua (2) atau lebih agensi berlainan dan bersilang fungsi**. Bilangan ahli bergantung kepada skala, kos dan kategori projek, serta perlu dipersetujui oleh semua pihak terlibat. Keseimbangan bilangan ahli antara agensi adalah digalakkan. Untuk menjaga kepentingan bersama, adalah disarankan agar kumpulan menyediakan memorandum persefahaman secara bertulis.



Contoh pelaksanaan KIK Hibrid ditunjukkan dalam **Rajah 7**.

A

Kombinasi/ penggabungan sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) Negeri yang **berbeza**

Contoh:

- Jabatan bersama Jabatan (dari Kementerian yang berbeza)
 - ✓ Jabatan Pengangkutan Jalan (Kementerian Pengangkutan)
 - + Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (Kementerian Kewangan)
- Kementerian bersama PSUK Negeri Pulau Pinang
 - ✓ Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 - + Bahagian Kerajaan Tempatan (PSUK Negeri Pulau Pinang)

B

Kombinasi/ penggabungan sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian/ PSUK yang **sama**

Contoh:

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSUK Negeri Pulau Pinang) + Unit Integriti (PSUK Negeri Pulau Pinang)
- Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PSUK Negeri Pulau Pinang) + Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PSUK Negeri Pulau Pinang)

Rajah 7: Contoh-contoh KIK Hibrid (melibatkan penjawat awam sahaja)

2.5 KOMPOSISI KUMPULAN KIK

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) terdiri daripada beberapa peranan utama seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 8**.



KETUA KUMPULAN

Ketua kumpulan merupakan salah seorang ahli KIK. Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan ketua kumpulan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjejaskan perkembangan kumpulan.



AHLI-AHLI

Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota dalam organisasi. Bagi KIK Hibrid, keanggotaan kumpulan yang mewakili Jabatan/ Agensi masing-masing hendaklah seimbang atau pada bilangan yang munasabah.

Nota

Agensi terlibat dalam KIK Hibrid digalakkan menyediakan memorandum bertulis bagi menjaga kepentingan bersama



FASILITATOR

Pelantikan fasilitator bergantung pada keperluan KIK. Unit Inovasi agensi masing-masing boleh memberi khidmat sebagai fasilitator.

Nota

Pelantikan fasilitator bukan suatu kemestian

KIK digalakkan mewujudkan identiti kumpulan sendiri seperti nama, logo, visi, misi atau elemen lain yang bersesuaian

Rajah 8: Komposisi Kumpulan KIK

BAB 3 PENGIKTIRAFAN

Fasa Pengiktirafan merupakan bentuk penghargaan dan galakan kepada kumpulan KIK atas usaha mereka dalam melaksanakan projek inovasi. Fasa ini merangkumi **empat (4) elemen utama**, iaitu penyediaan dokumentasi projek, pembangunan Panel Penilai, mekanisme penilaian, dan penganugerahan.

3.1 DOKUMENTASI PROJEK

Projek KIK yang dipertandingkan perlu disertakan dengan dokumentasi yang kemas, teratur dan meyakinkan. Bagi tujuan ini, kumpulan KIK perlu menyediakan dokumentasi projek yang merangkumi perkara-perkara berikut:



RINGKASAN EKSEKUTIF

Penerangan ringkas projek hendaklah merangkumi **bidang dan kategori inovasi, penjelasan keberhasilan (outcome)** serta **impak dan potensi pengembangan projek**.

PERINCIAN PROJEK

Menyediakan **perincian projek** disertakan **bukti** berdasarkan kriteria berikut:

- i) Latar belakang kumpulan
- ii) Kepentingan dan rasional pemilihan projek
- iii) Tindakan atau pendekatan penyelesaian
- iv) Keberkesanan atau impak projek (*outcome*)
- v) Potensi pengembangan atau penskalaan projek

SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

Pemilihan projek KIK hendaklah dibuat berdasarkan **keperluan yang jelas dan relevan**. Aspek signifikan pemilihan termasuk:

- i) Kaitan langsung dengan fungsi utama jabatan/agensi
- ii) Menepati kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan (stakeholder)
- iii) Selaras dengan agenda nasional dan ekosistem semasa
- iv) Disokong oleh analisis dan bukti, termasuk penggunaan alat seperti carta, data dan teknik penyelesaian masalah
- v) Memberi perhatian kepada lima (5) kriteria projek KIK seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 6**

TINDAKAN PENYELESAIAN

- i) **Penerangan strategi dan proses penyelesaian**, merangkumi
 - (a) Strategi pelaksanaan termasuk penggunaan alat (*tools*) KIK yang sesuai
 - (b) Pernyataan *output* serta sasaran *outcome* projek
 - (c) Penghasilan dan pelaksanaan projek yang bersifat unik dan memberi impak tinggi
 - (d) Tempoh pelaksanaan yang munasabah dan realistik
- ii) **Perakuan daripada pihak yang bertaualiah atau berkuasa**, berkaitan kesahihan data atau kelulusan pelaksanaan
- iii) **Pembuktian melalui data sokongan**, termasuk perbandingan prestasi sebelum dan selepas pelaksanaan

KEBERHASILAN PROJEK (*OUTCOME*) / IMPAK PROJEK

- i) **Pencapaian *outcome*** berdasarkan pelaksanaan strategi yang dirancang
- ii) **Faedah sampingan yang menyumbang kepada nilai tambah projek**
- iii) **Pembuktian** keberhasilan melalui data, metrik yang sah dan sumber rasmi

POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

- i) Tahap kesiediaan teknologi, sistem atau proses untuk dikembangkan
- ii) Tahap kesesuaian projek untuk replikasi atau pengkomersialan
- iii) **Replikasi** – Proses adaptasi projek KIK oleh agensi lain yang berkongsi keperluan dan persekitaran operasi yang serupa
- iv) **Pengkomersialan** – Penjana pendapatan melalui hasil projek dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses, teknologi atau sistem, yang dipasarkan melalui kaedah seperti penjualan, pelesenan, penyerahan hak, pengilangan, usaha sama atau francais

FORMAT DOKUMENTASI

Dokumen projek hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

- (a) **Ringkasan Eksekutif**
Antara **300 hingga 500 patah perkataan** atau tidak melebihi **dua (2) muka surat**
- (b) **Perincian Projek**
Antara **3,000 hingga 5,000 patah perkataan** atau **10 hingga 15 muka surat**
- (c) **Format Penulisan**
Menggunakan **font Arial, saiz 11**, dan **jarak baris (*spacing*) multiple at 1.15**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

A. Kelayakan dan Skop Penyertaan

1. Penyertaan terbuka kepada kumpulan KIK yang terdiri daripada penjawat awam yang berkhidmat di jabatan, agensi, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
2. Kumpulan KIK mestilah terdiri daripada **minimum dua (2) orang dan maksimum sepuluh (10) orang**, termasuk ketua kumpulan. Fasilitator tidak dikira sebagai ahli kumpulan.
3. Projek KIK yang dilaksanakan secara hibrid (antara agensi) adalah **digalakkan**, dengan syarat keanggotaan kumpulan adalah **seimbang** atau dalam jumlah **munasabah**.
4. Kumpulan KIK yang mengambil bahagian hendaklah mempersembahkan projek mereka kepada pihak pengurusan Jabatan/ Agensi masing-masing.

B. Kriteria dan Ketulenan Projek

5. Projek KIK mestilah telah **siap dilaksanakan** sebelum tarikh pertandingan semasa.
6. Hanya projek yang **asli** dan belum pernah dipersembahkan dalam mana-mana pertandingan KIK di peringkat PSUKPP, negeri atau kebangsaan **pada tahun 2026 dan sebelumnya** dibenarkan.
7. Projek yang dihantar mestilah memenuhi objektif inovasi dan keberhasilan yang telah ditetapkan dalam garis panduan KIK.

C. Dokumen dan Pengesahan Penyertaan

8. Setiap penyertaan hendaklah dikemukakan dengan **dokumen lengkap** yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan/ Agensi dan telah melalui proses penilaian dalaman.
9. **Format dokumentasi projek perlu mematuhi spesifikasi** yang telah ditetapkan dari segi panjang kandungan, gaya penulisan dan struktur.
10. Kumpulan KIK **digalakkan menggunakan** nama kumpulan, logo, visi dan misi sebagai identiti kumpulan.

D. Proses Saringan dan Penilaian

11. Setiap penyertaan akan melalui proses **saringan awal**, yang bertumpu kepada **kesempurnaan dan kelengkapan dokumentasi**.
12. Fokus utama penilaian di peringkat saringan adalah:
 - Dokumentasi lengkap dan dikemukakan dalam tempoh masa ditetapkan
 - Pembuktian yang sahih, relevan dan boleh disahkan

13. Mana-mana kumpulan yang tidak memenuhi kriteria dokumentasi yang ditetapkan **tidak akan diperakukan** ke peringkat pemilihan.
14. Tiada kuota tetap ditetapkan bagi bilangan kumpulan yang layak ke peringkat pemilihan.

E. Penilaian Peringkat Pemilihan

15. Kumpulan yang melepasi saringan akan melalui **pembentangan projek**, termasuk sesi soal jawab bersama Panel Penilai.
16. Penilaian projek di peringkat ini akan memberi penekanan kepada **keberhasilan (outcome)** dan **impak projek**, serta menggunakan **rubrik penilaian** yang sesuai.

F. Kuasa dan Penentuan Akhir

18. Pihak Urus Setia pertandingan berhak untuk menerima atau menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat, serta menggunakan budi bicara **pertimbangan khas** jika difikirkan wajar.
19. Keputusan pemilihan kumpulan oleh pihak Urus Setia adalah **muktamad**.
20. Pihak Urus Setia berhak membuat **sebarang pindaan** terhadap mana-mana bahagian syarat penyertaan ini pada bila-bila masa.

3.2 PEMBANGUNAN PANEL PENILAI

Panel Penilai akan dilantik oleh Urus Setia berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh pihak MAMPU, seperti berikut:

- (a) **Telah diperakukan dan didaftarkan sebagai Panel Penilai** oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN); dan
- (b) Mengisytiharkan sebarang penglibatan secara langsung atau tidak langsung dalam projek KIK yang dinilai, bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan.

3.3 MEKANISME PENILAIAN

Projek KIK akan dinilai secara sistematik bagi memastikan hasilnya memberi impak yang signifikan serta manfaat nyata kepada organisasi/ pelanggan/ rakyat.


PENILAIAN PROJEK

- (a) Penilaian dokumentasi projek KIK akan dijalankan secara bersemuka antara Panel Penilai dan peserta, berdasarkan kriteria penilaian dan skema pemarkahan seperti dinyatakan dalam **Lampiran 1**. Penilaian ini bertujuan untuk menilai kesahihan kandungan, keberkesanan pelaksanaan, serta potensi pengembangan projek.




Rajah 9: Penilaian Dokumentasi KIK

- (b) **Tempoh pembentangan dan sesi soal jawab** bagi setiap kumpulan adalah selama **35 minit**



Rajah 10: Persembahan Projek KIK (VIVA)



Rajah 11: Penilaian dan Pemarkahan Persembahan KIK

3.4 PENGANUGERAHAN

PEMILIHAN PEMENANG

- i. **Semua penyertaan yang diterima akan melalui tapisan awal** oleh Urus Setia bagi memastikan setiap penyertaan mematuhi sepenuhnya syarat-syarat dan kriteria penyertaan yang telah ditetapkan.
- ii. **Pemakluman mengenai status kelayakan penyertaan akan dibuat secara rasmi kepada semua peserta**, selepas proses tapisan awal selesai dijalankan.
- iii. **Penilaian akan dijalankan secara VIVA oleh Panel Penilai yang dilantik secara rasmi oleh Urus Setia.**
- iv. **Keputusan penilaian oleh Panel Penilai adalah muktamad**, dan sebarang rayuan atau semakan semula **tidak akan dilayan.**
- v. **Pengumuman pemenang dan penyampaian hadiah akan dibuat melalui majlis rasmi atau saluran komunikasi yang bersesuaian.**

HADIAH PENGHARGAAN


JOHAN	 PIALA	 RM10,000	 SIJIL
NAIB JOHAN	 PIALA	 RM5,000	 SIJIL
KETIGA	 PIALA	 RM3,000	 SIJIL
KEEMPAT	 PIALA	 RM2,000	 SIJIL
KELIMA	 PIALA	 RM1,000	 SIJIL

Rajah 12: Hadiah Pemenang KIK

BAB 4 TATACARA PENYERTAAN

Semua penjawat awam daripada Jabatan/ Perbadanan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Anak Syarikat di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berminat untuk menyertai Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2026 perlu mengikuti langkah-langkah berikut:

- i. Melengkapkan **pendaftaran** (melalui pautan: <https://forms.gle/4RzFTHQ6BgsDCp2n9> / kod QR di bawah) yang disediakan bagi mendapatkan ID pengguna. **Tempoh pendaftaran adalah dari 1 April hingga 31 Julai 2026.**



- ii. Setelah ID pengguna diperoleh, peserta perlu **mengisi maklumat kumpulan dan projek serta memuat naik dokumen sokongan** melalui Sistem elnovasi di laman web elinovasi.penang.gov.my. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Julai 2026 (Jumaat), jam 11.59 malam.
- iii. Peserta perlu **mengemukakan empat (4) salinan cetakan (*hard copy*) dokumentasi projek serta salinan slaid pembentangan/ video digital (*soft copy*)** yang boleh diserahkan sama ada melalui pemacu USB (*pendrive*) atau e-mel, kepada Urus Setia. **Tarikh penghantaran akan dimaklumkan kemudian**, iaitu sebelum sesi penilaian dijalankan.
- iv. Pengguna Sistem elnovasi (elinovasi.penang.gov.my) boleh melaporkan sebarang masalah, termasuk kesilapan semasa penghantaran penyertaan, melalui e-mel rasmi yang dinyatakan dalam halaman 20 garis panduan ini.

Dokumentasi projek (*hard copy*) **di perenggan (iii)** hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia sama ada melalui serahan tangan atau pos ke alamat berikut:

Urus Setia
Pertandingan KIK Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2026
Unit Komunikasi Korporat dan Inovasi
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 25, KOMTAR, 10503 PULAU PINANG
[u.p. Puan Noor Liyana binti Mazeni / 04-6505546]

BAB 5 MAKLUMAT URUS SETIA

Sebarang pertanyaan atau permasalahan berkaitan penyertaan pertandingan boleh dirujuk kepada Urus Setia di Unit Komunikasi Korporat dan Inovasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui saluran berikut:

Nama	Emel/ No. Telefon
Puan Noorhafiza binti Mohd Harun	noorhafiza.harun@penang.gov.my 04-6505685
Puan Nor Hayati binti Ishak	norhayati_ishak@penang.gov.my 04-6505685
Cik Segullah Chelvi a/p Paul Desmond	segullah@penang.gov.my 04-6505688

LAMPIRAN I



BORANG PEMARKAHAN PERTANDINGAN KIK AGENSI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2026

TAJUK PROJEK				
NAMA KUMPULAN				
AGENSI / JABATAN				
NAMA PANEL PENILAI				
Arahan : Sila tanda (✓) pada ruang yang berkaitan				
JENIS KUMPULAN	PRIMER		HIBRID	
BIDANG INOVASI	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN		SOSIAL	
KATEGORI INOVASI	PENCIPTAAN		PENAMBAHBAIKAN	

SKALA LIKERT				
1	2	3	4	5
Amat lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Amat baik

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA		WAJARAN	SKALA DIPILIH OLEH PANEL	MARKAH WAJARAN	CATATAN
1	Latar belakang kumpulan & Penglibatan pihak pengurusan [4]	a.	Maklumat kumpulan (borang penyertaan) & Sokongan serta kelulusan pihak pengurusan tertinggi jabatan	4			
2	Signifikan Pemilihan projek [10]	a.	Kaitan dengan fungsi utama jabatan/organisasi	1			
		b.	Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)	2			
		c.	Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional	2			
		d.	Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa	2			
		e.	Kaedah pemilihan projek dan analisis	2			
		f.	Penyataan Sasaran Outcome dan Impak	1			

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA		WAJARAN	SKALA DIPILIH OLEH PANEL	MARKAH WAJARAN	CATATAN
3	Tindakan penyelesaian [23]	a.	Strategi Penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan <i>tools</i>	8			
		b.	Penghasilan dan Pengujian Prototaip	8			
		c.	Perakuan daripada pihak bertauliah/ pihak berkuasa	3			
		d.	Pelaksanaan Inovasi	4			
4	KEBERHASILAN PROJEK						
	4.1 <i>Outcome</i> projek [35]	a.	Pencapaian <i>Outcome</i> dan Pembuktian	25			
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	10			
	4.2 Impak projek [18]	a.	Penilaian Impak dan Pembuktian	14			
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	4			
5	Potensi Pengembangan Inovasi [10]	a.	Tahap ketersediaan teknologi/ sistem/ proses	4			
		b.	Tahap Replikasi atau Pengkomersialan	6			
JUMLAH				100		 / 500	

ULASAN PANEL PENILAI :

LAMPIRAN II

**CONTOH BORANG PENYERTAAN DI SISTEM EINOVASI
(einovasi.penang.gov.my)**

elNovasi <<

Dashboard
Garis Panduan >
Borang Penyertaan >

Borang Penyertaan / KIK Negeri Pulau Pinang (Hibrid)

01 Maklumat Inovasi
02 Maklumat Peserta
03 Pelaksanaan Inovasi
04 Elemen Inovasi
05 Lampiran
06 Persetujuan

Nama Inovasi *

Bidang Inovasi * Kategori *

Sila Pilih Bidang Inovasi Sila Pilih Kategori

Ringkasan Eksekutif *

Baki perkataan: 500

Kluster * Puncu * Status Inovasi *

Sila Pilih Kluster Sila Pilih Puncu Status Inovasi

Signifikan Pemilihan Projek *